

## **KESIMPULAN DAN SARANAN**

### **5.1 Pengenalan**

Bab kelima ini akan merumuskan keseluruhan bab sebelum ini. Setiap bab dalam sesi penulisan ini mempunyai fungsi, peranan dan skop perbincangan tersendiri dalam memastikan kajian mencapai objektif secara kolektif dan global. Justeru kajian pada bab ini juga merumus dan menyimpulkan segala dapatan data yang diperolehi agar selari dengan metodologi yang digunakan. Seterusnya penulis akan mengemukakan beberapa saranan yang berkaitan konsep perkahwinan antara Islam dan Kristian Roman Katholik bagi melengkapkan input kajian agar lebih holistik, kompetatif dan efektif.

### **5.2 Rumusan**

#### **5.2.1 Rumusan secara umum**

Perkahwinan secara prinsipnya didasari elemen-elemen konjuktif peradaban nilai-nilai sejagat. Ia membawa pengertian yang luas dan mendalam tentang kesejagatan sosial yang mempengaruhi nilai serta norma manusiawi, hukum alam dan peraturan Ilahi. Asasnya semua perkahwinan di alam maya ini adalah sinonim iaitu

mewujudkan pasangan suami isteri yang berbentuk monogami ataupun poligami. Namun skop kali ini mengarah kepada konsep perkahwinan antara dua agama iaitu Islam dan Kristian Roman Katholik bagi menjelaskan beberapa konsep di sebalik teori dan praktikal perkahwinan.

Justeru dalam usaha membuat kajian ini penulis telah membincangkan keseluruhan aspek perkahwinan dalam dua agama iaitu Islam dan Kristian Roman Katholik. Perbincangan memfokuskan konsep perkahwinan dan yang berkaitan dengan institusi perkahwinan. Selain itu kajian juga meninjau aspek-aspek persamaan dan perbezaan secara analisis perbandingan antara kedua-dua agama tersebut dan mendapati persamaan hanya dalam perkara dan prinsip asas sesebuah perkahwinan. Kajian juga mendapati terdapatnya perbezaan dalam konsep perkahwinan kedua-duanya seperti bentuk, pembubaran, kepentingan, syarat dan halangan serta hukum perkahwinan yang jelas memperlihatkan falsafah dan tuntutan ajaran Islam dan Kristian Roman Katholik adalah jauh berbeza.

Umumnya, perkahwinan adalah untuk menghalalkan hubungan jenis antara lelaki dan perempuan dan sebagai saluran mengembang biakkan keturunan manusia. Perbezaannya terletak pada sumber hukum, konteks perlaksanaannya dan juga bentuk perkahwinan yang diiktiraf ataupun tidak. Contohnya agama Kristian Roman Katholik secara prinsipnya tidak membolehkan perceraian, namun Islam pula adalah sebaliknya kerana ia memenuhi fitrah masyarakat. Agama Kristian Roman Katholik kelihatan memaksa dan membelakangkan fitrah manusia. Di situ terdapatnya titik perbezaan yang ketara antara kedua agama. Justeru itulah juga antara yang menjadi

kupasan kajian ilmiah ini yang membentangkan dari aspek rasional akal dan sumber sahih iaitu dari kitab pegangan agama masing-masing iaitu kitab al-Qur'an dan al-Hadith (agama Islam) dan juga Bible (agama Kristian).

Perbincangan ini turut membahaskan adat dan upacara perkahwinan di dalam agama Kristian Roman Katholik dan agama Islam secara terperinci untuk difahami sejauhmana kepentingan dan hubungkaitnya dengan praktik hidup seterusnya iaitu membentuk tanggungjawab keluarga dan kekeluargaan. Perkahwinan dilihat sangat penting kerana ia membentuk serta melahirkan satu unit keluarga sebagai asas pembentukan dan pembangunan masyarakat secara global.

Walaupun kajian ini memfokuskan konsep perkahwinan secara khusus namun ia sangat penting dijustifikasikan dan dikupas dengan teori-teori ilmiah agar ia mampu mempamerkan nilai-nilai dinamikal yang struktural dalam pembentukan kekeluargaan secara global melalui perbandingan institusi perkahwinan.

### **5.2.2 Rumusan Konsep Perkahwinan Agama Islam**

Realitinya, apa yang perlu difahami di dalam menghayati konteks perkahwinan Islam ialah mendasari dengan jelas dan tuntas akan prinsip asas, tujuan, matlamat dan falsafah perkahwinan secara lebih kondusif dan konsisten. Begitu juga dalam konteks pembubaran sesebuah perkahwinan Islam. Apa yang jelas undang-undang perkahwinan Islam di Malaysia, memiliki prosedur undang-undang yang

begitu kukuh, sistematik dan menyeluruh. Justeru kajian ini lebih menjurus kepada konsep perkahwinan Islam dari aspek prinsip asas, falsafah dan undang-undang kerana apa yang penting ialah apa yang digariskan oleh Islam yang bersumberkan kitab al-Qur'an dan al-Hadith S.A.W.

Walaupun begitu di dalam perkara-perkara yang disepakati oleh hukum Syari'e mengenai adat perlu diteliti dari aspek perlaksanaannya. Antaranya seperti majlis perkahwinan (*Walimah al-'Urus*) adalah digalakkan untuk dilaksanakan kerana meraikan kedua pasangan pengantin tersebut di samping tujuan utamanya adalah untuk menghebahkan kepada orang ramai bahawa kedua pasangan tersebut telah berkahwin. Di dalam senario masa kini, terdapat beberapa perkara yang tidak disepakati dari aspek perlaksanaan majlis perkahwinan tersebut. Sebagai contoh terdapat majlis perkahwinan yang berunsurkan maksiat contohnya terdapat tari menari, karaoke yang bercampur antara lelaki dan wanita yang bukan muhrim, makanan yang tidak halal dan sebagainya. Majlis perkahwinan wajar dilakukan mengikut adat yang selaras dengan Undang-undang Islam atau prinsip Islam. Justeru sesuatu majlis perkahwinan yang dilaksanakan itu hendaklah dipastikan supaya ianya selaras dengan tuntutan ajaran Islam tersebut.

Sehubungan itu, perkahwinan adalah amat digalakkan ke atas setiap umat Islam yang cukup syaratnya. Semua pasangan yang ingin berkahwin digalakkan supaya mempelajari terlebih dahulu ilmu kekeluargaan agar perkahwinan tersebut benar-benar mencapai objektif dan matlamat iaitu ke arah kesejahteraan sejagat, bagi melahirkan insan cemerlang, keluarga gemilang dan umah terbilang sebagaimana

diterangkan di dalam bab sebelum ini. Setiap suami atau isteri mempunyai tanggungjawab masing-masing di dalam perkahwinan dan kekeluargaan. Tanggungjawab tersebut seperti menjaga dan mendidik anak-anak merupakan satu amanah yang akan disoal serta dihisab di akhirat nanti.

Justeru Islam memandang perkahwinan sangat penting dalam membina serta mengiktiraf sebuah hubungan yang sah antara lelaki dan perempuan, melahirkan zuriat yang sah taraf serta membina institusi keluarga dan kekeluargaan hasil perkahwinan tersebut. Apa yang paling penting kajian mendapati Islam amat menitik beratkan aspek kekeluargaan yang terbina ke arah membangunkan peradaban Islam sejati berpaksikan cahaya dan petunjuk Islam. Justeru itu, perundangan Islam yang juga merupakan perlombagaan telah menetapkan prosedur khusus dalam menjamin perkara-perkara tersebut seperti pertunangan, akad nikah, rukun nikah, syarat-syarat wali dan saksi, mas kahwin, kontrak perjanjian dan hukum hakam yang berkaitan.

Di dalam agama Islam juga diterangkan sumber galakan berkahwin iaitu dari kitab al-Qur'an dan al-Hadith. Jelas di dalam Islam perkahwinan merupakan satu ibadah. Perhambaan diri terhadap Allah melalui perkahwinan. Beribadah secara langsung dan dengan melahirkan zuriat. Ketaatan terhadap Allah di dalam setiap gerakan dan tindak tanduk. Begitu juga melakukan kebaikan terhadap isteri dan anak-anak dan menyara kehidupan mereka itu juga ibadah.

Perbincangan turut menyentuh konsep pembubaran perkahwinan (perceraian) dalam Islam, ia merupakan suatu perkara yang berlaku bagi memutuskan dua ikatan

yang telah tersimpul erat samada melalui akad (*Syari'at*) ataupun Undang-undang Syari'ah. Oleh itu, ia mempunyai prosedur tertentu menurut prinsip dan undang-undang agama Islam. Justeru di dalam Islam perceraian dibenarkan menurut cara-cara tertentu dalam undang-undang Islam dan dibicarakan mengikut prosedur mahkamah Syariah.

Tegasnya, kajian menunjukkan sumber dan hukum agama Islam lebih jelas dan terperinci. Setiap sandaran dalil dari kitab al-Qu'ran memperincikan dengan tepat dan jelas tentang sesuatu perkara. Al-Qur'an juga tidak mendatangkan kekeliruan mahupun keraguan terhadap sesiapa pun yang membacanya, malah menambahkan keyakinan terhadap hujah dan bukti kebenaran di dalamnya. Ini kerana ia merupakan wahyu Allah S.W.T yang diperturunkan dengan kebenaran yang tidak dapat dipertikaikan lagi oleh sesiapa pun. Justeru, belum pernah ada yang berhasil memesongkan ayat-ayatnya sepihiknya kitab-kitab Samawi yang lain. Begitu juga al-Hadith Nabi S.A.W dinyatakan secara jelas sanad untuk menunjukkan nilai autoriti yang tinggi dalam perlaksanaannya.

### **5.2.3 Rumusan Konsep Perkahwinan Agama Kristian Roman Katholik**

Menurut satu perjanjian suci yang telah dibuat di gereja Roman Katholik dalam tahun 1439 telah mengiktiraf bahawa perkahwinan itu merupakan satu upacara yang suci untuk sebuah pasangan (suami isteri) yang menghalalkan pertalian antara mereka. Umumnya, semua perkahwinan orang bukan Islam di Malaysia termasuk

penganut agama Kristian Roman Katholik mesti dilakukan mengikut kehendak peruntukan di dalam Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (selepas ini disebut AMU 1976) tidak mengira sama ada perkahwinan itu diupacarakan mengikut undang-undang, agama, adat atau kelaziman. Ini menunjukkan permohonan perceraian mesti dibuat oleh seseorang suami atau isteri di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa.

Perkahwinan yang diupacarakan mengikut adat dan peraturan Gereja Roman Katholik hendaklah didaftarkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sepetimana yang dihuraikan sebelum ini. Antara bidang kuasa spesifik Mahkamah Tinggi di Malaysia, dalam kes-kes Sivil ialah; (i) Bidang kuasa di bawah mana-mana Undang-undang bertulis yang berhubungan dengan perceraian dan kausa hal ehwal suami isteri dan (ii) Bidang kuasa untuk melantik dan mengawal penjaga budak-budak dan pada amnya atas diri dan harta budak-budak.

Kajian juga mendapati perceraian atau membubarkan sesebuah perkahwinan di dalam agama Kristian tidak dibenarkan sama sekali. Namun ia bolehkan sekiranya berlakunya kecurangan atau perzinaan oleh salah satu pihak samada suami ataupun isteri. Justeru jika diteliti kebanyakannya kes perceraian penganut agama Kristian Roman Katholik di seluruh dunia berlaku atau dirancang terlebih dahulu untuk berlaku. Lantaran ia tidak dibenarkan sama sekali oleh undang-undang agama Kristian kerana perkahwinan tersebut telah disatukan oleh Tuhan. Di sini imej Tuhan seolah-olah tercemar kerana tidak mengambil kira kemaslahatan dan kebajikan di sebalik larangan keras tidak membolehkan perceraian tersebut. Sekiranya berlaku

sesuatu yang lebih buruk daripada bercerai seperti kes isteri yang cedera parah didera dan dipukul suami yang ganas maka perceraian sebenarnya merupakan langkah penyelesaian terbaik sepetimana dibenarkan Islam dengan syarat-syarat yang ketat.

Perceraian di dalam agama Kristian Roman Katholik juga dinamakan perceraian Sivil. Ini kerana ia berpandukan kepada Undang-undang Sivil yang diguna pakai oleh penganut agama Kristian di seluruh dunia. Menurut undang-undang Sivil, perceraian ialah perpisahan antara suami dan isteri yang diiktiraf oleh Undang-undang dan yang mengakibatkan si suami atau isteri yang diiktiraf oleh Undang-undang itu bercerai serta boleh berkahwin dengan orang lain. Jadi dapat dirumuskan hanya melalui perceraian kedua-dua pihak samada suami atau isteri baru boleh berkahwin dengan orang lain walaupun perkahwinan kali kedua tersebut tidak diiktiraf oleh '*Canon Law*' atau pihak gereja sendiri. Justeru undang-undang Roman Katholik iaitu '*Canon Law*' dan kitab Bible sendiri milarang keras berlakunya perceraian, maka ianya hanya berlaku melalui perundangan Sivil sepetimana perbincangan sebelum ini yang mengiktiraf ketiga-tiganya sebagai sumber hukum untuk dijadikan panduan oleh penganut agama Kristian Roman Katholik.

Di sini juga dapat dirumuskan bahawa tidak berlakunya bentuk perkahwinan poligami di dalam agama Kristian Roman Katholik. Poligami adalah tidak diktiraf sama sekali di dalam agama Kristian. Justeru jika diteliti banyak berlakunya pelacuran ataupun perempuan simpanan (*mistress*) di sebalik monogami yang diamalkan oleh penganut agama Kristian kerana tidak mampu melawan fitrah manusiawi. Begitu juga banyak berlakunya perzinaan dan lain-lain masalah sosial

implikasi daripada larangan dan pengharaman bercerai dalam ajaran Kristian Roman Katholik. Ini jelas menunjukkan kelemahan dan terdapatnya kepincangan dalam prinsip ajaran Roman Katholik yang mana seharusnya tidak menidakkannya yang telah menjadi fitrah manusiawi.

Selain itu, hak atau kuasa untuk menceraikan (membubarkan perkahwinan) di dalam agama Kristian Roman Katholik adalah sama rata antara lelaki dan perempuan. Oleh kerana Undang-undang Sivil telah diberi kuasa dalam hal seperti ini, maka segala peruntukan dalam Undang-undang Sivil termasuk hak untuk membubarkan perkahwinan adalah sepertimana termaktub iaitu sama rata antara lelaki dan perempuan. Pihak gereja hanya menangani dan mengadili kes-kes tertentu sahaja namun yang memutuskan perkahwinan tersebut adalah mahkamah Sivil. Mana-mana pasangan boleh memohon di Mahkamah Sivil untuk membubarkan perkahwinan. Ini boleh menimbulkan polimik dan permasalahan dalam pembentukan masyarakat kerana semua pihak boleh menggunakan autoriti sendiri untuk memutuskan perkahwinan. Ini akan menyebabkan komuniti kucar kacir. Hubungan akan menjadi lebih renggang kerana masing-masing akan menunjuk kekuasaan tanpa rasional.

Jika ditinjau secara terperinci, sumber dan hukum perkahwinan menurut agama Kristian Roman Katholik adalah masih samar dan memerlukan lebih banyak pengkajian lain yang berkaitan dengannya. Pada dasarnya dalam Bible sememangnya ada menggariskan tentang perkahwinan seperti penggalakan supaya berkahwin dan sebagainya namun ia tidak diterangkan secara khusus bagaimana aspek perlaksanaannya sepertimana agama Islam. Ini menunjukkan dalam agama Kristian

tidak adanya perlombagaan dan peraturan yang khusus sepetimana Islam. Sebagai contoh kebanyakan perkara yang berhubung pembubaran perkahwinan Roman Katholik adalah merujuk kepada Undang-undang Sivil. Maka selaras dengan hakikat tersebut, kajian ini turut menjurus kepada Undang-undang Sivil selain Undang-undang Gereja. Ini memandangkan kedua-duanya berkait rapat antara satu sama lain dan diiktiraf oleh pihak gereja Roman Katholik sebagai sumber rujukan tanpa prejudis sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini.

### **5.3 Saranan**

Hasil kajian daripada keseluruhan bab sebelum ini penulis telah membuat beberapa saranan, antaranya ialah:

Ilmu perbandingan agama (*Comparative Religion*) perlu dipelajari, didalami dan dihayati oleh setiap individu. Ini penting bagi memulakan proses penelitian dan penghayatan setiap aspek kebaikan dalam setiap agama sebagai prinsip dan asas jaminan kesejahteraan hidup. Apa yang lebih penting ialah ia sebagai alat untuk mempertahankan akidah umat Islam melalui hujah-hujah dari hasil-hasil kajian yang dikemukakan. Begitu juga sebaliknya.

Selain itu, pada masa akan datang mungkin lebih banyak penyelidikan akan dibuat mengenai aspek perkahwinan dan kekeluargaan ini. Justeru ia sangat penting dalam menjana peradaban manusia yang gemilang. Kajian juga boleh difokuskan

kepada konsep pembujangan (*celibacy*) dalam agama Kristian dengan membuat perbandingan dengan agama Islam. Ianya pasti akan dapat dimanfaatkan oleh generasi yang meneruskan kelangsungan hidup selepas ini.

Sehubungan itu perlunya dibuka lebih banyak perbincangan atau dialog antara agama-agama khususnya di Malaysia melalui badan-badan tertentu seperti institusi atau agensi kerajaan, badan berkanun, swasta, korporat dan sebagainya. Pengembangan ilmu perlu dilaksanakan secara keseluruhan tanpa disekat oleh apa juapun bentuk dan alasan bagi mencapai tahap perkembangan ilmu yang lebih fleksibel, kondusif, efektif, dan juga dinamik dalam melahirkan peradaban manusia yang cemerlang dan terbilang.

#### **5.4 Penutup**

Semua kesimpulan, rumusan dan saranan telah dikemukakan bersama hujah dan dapatan data dari keseluruhan bab kajian. Kajian mendapati titik persamaan dan perbezaan konteks perkahwinan kedua-dua agama Islam dan Kristian Roman Katholik adalah terletak pada konsep dan prinsip asas sesebuah perkahwinan. Manakala aspek falsafah dan perlaksanaannya adalah jauh berbeza antara kedua-dua agama tersebut. Secara prinsipnya Islam nyata mempunyai undang-undang perlembagaan yang mantap dan kukuh mengatasi lain-lain perlembagaan di dunia ini kerana ianya datang daripada Allah S.W.T dan bukannya daripada tangan manusia.

Justeru, harapan penulis semoga kajian ini dapat memberi manfaat dan sumbangan yang tidak sedikit kepada semua pengkaji dan pembaca. Sekian.